

LAPORAN KEROSAKAN DAN CADANGAN PEMBAIKAN

Lokasi: Malaysia Productivity Corporation (MPC) Wilayah Sarawak

Tarikh: September 2025

1. Latar Belakang

Pemeriksaan di premis Malaysia Productivity Corporation (MPC) Wilayah Sarawak mendapati terdapat beberapa kerosakan infrastruktur, khususnya melibatkan sistem salur air buangan hujan, awning, bracket sokongan paip, serta siling luar bangunan. Masalah ini menjejaskan keberkesanan sistem saliran, keselamatan pengguna, serta imej bangunan. Oleh itu, kerja-kerja pembaikan segera diperlukan bagi mengelakkan kerosakan lebih serius pada masa hadapan.


2. Permasalahan

A. Dewan MPC

1. Kebocoran Bahagian Atas Paip Salur Air Buangan Hujan (Belakang Dewan)
 - Berlaku kebocoran pada bahagian atas paip salur air buangan hujan.
 - Kebocoran ini menyebabkan terjejasnya pembuangan saliran air hujan buangan dan seterusnya merosakkan lantai simen di kawasan dewan.



2. Paip dan Fitting Tidak Berfungsi dengan Baik
 - Paip dan fitting di Dewan MPC sudah rosak dan tidak lagi berfungsi dengan sempurna.
 - Keadaan ini menjejaskan keberkesanan sistem saliran air hujan dan memerlukan penggantian serta penambahan bahan kalis air (waterproofing simen dan silicone gum).
3. Kesan Kebocoran Paip Atas Terhadap Fasiliti di Bawah
 - Kebocoran paip salur air hujan di bahagian atas Dewan MPC telah menjejaskan fasiliti di bawahnya.
 - Bagi mengurangkan kesan tempias dan kerosakan, perlu dipasang awning tambahan bersaiz 2 kaki x 1.5 kaki (rangka besi bumbung ACP) sebagai perlindungan.



B. Blok Latihan MPC

4. Kebocoran dan Keperluan Penambahan Paip Salur Air Buangan Hujan
 - Paip salur air buangan hujan di bahagian atas Blok Latihan mengalami kebocoran.
 - Sistem sedia ada tidak mencukupi dan memerlukan penambahan paip baharu bagi menampung aliran air hujan dengan lebih berkesan.
 - Kebocoran ini menyebabkan terjejasnya pembuangan saluran air hujan buangan dan merosakkan lantai simen di kawasan blok.




5. Bracket Sokongan Paip Rosak
 - Bracket sokongan paip salur air buangan hujan di Blok Latihan didapati rosak.
 - Keadaan ini menyebabkan paip tidak stabil, berisiko pecah dan boleh menjejaskan fungsi sistem saluran.



6. Bracket Saluran Air Hujan Buangan Tercabut

- Sebahagian bracket pada saluran paip air hujan buangan di Blok Latihan telah tercabut.
- Hal ini menyebabkan paip tergantung tanpa sokongan yang kukuh, berpotensi jatuh dan membahayakan keselamatan pengguna.



C. Blok M&E

7. Kerosakan Awning


- Rangka dan atap awning di Blok M&E mengalami kerosakan.
- Jika tidak dibaiki segera, ia boleh mendatangkan risiko keselamatan serta mengurangkan fungsi awning sebagai pelindung.



D. Bangunan MPC (Keseluruhan / Luar)

8. Siling Luar Bangunan Rosak di Empat Penjuru

- Siling luar bangunan MPC di keempat-empat penjuru mengalami kerosakan.
- Jika tidak diganti dengan siling baharu, ia boleh membahayakan pengguna serta menjejaskan imej keseluruhan bangunan.



E. Keperluan

9. Peralatan dan Mesin untuk Pembaikan
 - Kerja-kerja pembaikan paip salur air buangan hujan melibatkan kawasan tinggi.
 - Peralatan seperti scaffolding dan mesin khas diperlukan untuk menjamin keselamatan serta kelancaran kerja pembaikan.

[Ruangan Gambar]

3. Cadangan Tindakan

1. Membuat kerja pembaikan dan penggantian paip salur air buangan hujan di Dewan MPC dan Blok Latihan.
2. Melaksanakan kerja penambahan paip baharu di Blok Latihan bagi menampung aliran air hujan dengan lebih berkesan.
3. Mengganti bracket sokongan paip yang rosak dan tercabut dengan bracket baharu yang lebih kukuh.
4. Membuat kerja baik pulih awning di Blok M&E.
5. Mengganti siling luar bangunan di keempat-empat penjuru dengan siling zink baharu.
6. Memasang awning tambahan 2 kaki x 1.5 kaki (rangka besi bumbung ACP) di bawah kawasan paip bocor di Dewan MPC.
7. Menyediakan peralatan dan mesin (scaffolding, dll.) yang diperlukan untuk kerja di kawasan tinggi.

4. Anggaran Kos

Berdasarkan quotation yang diterima daripada Syarikat A.S.D Aura Maju:

Jumlah Keseluruhan: RM39,740

5. Kesimpulan

Kerja-kerja pembaikan yang dicadangkan adalah penting bagi memastikan sistem saliran hujan di MPC Sarawak berfungsi dengan baik, mengelakkan kerosakan lebih serius terhadap fasiliti, serta menjamin keselamatan pengguna. Pihak pengurusan dicadangkan mempertimbangkan kelulusan segera agar pembaikan dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Disahkan oleh:



(Nama Personel) AHMAD FIKRI BIN
MADLAN

Tarikh: 22.09.2025



.....
Nama: HAFIZA ATHA AHMAD

Jawatan: PENGURUS

Tarikh: 22.09.2025